

CNS4031

R GB 30-01 00183 BB926

bah

Mahathir - Islam

KERAJAAN MAHU BUKTIKAN BAHAWA UMAT ISLAM ADALAH MASYARAKAT ADIL

I

PETALING JAYA, 30 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan mahu membuktikan kepada masyarakat bukan Islam di negara ini bahawa umat Islam adalah masyarakat yang berjaya dan adil.

Dalam sebuah negara di mana masyarakat Islam yang memerintah, rakyat bukan Islam akan menikmati kehidupan yang sama rata dan berhak kepada keadilan, tidak ditindas serta hidup tanpa sebarang gangguan, katanya.

Katanya ini juga adalah cara terbaik untuk menarik bukan Islam menganut agama itu bukan sahaja di Malaysia tetapi di mana jua.

"Kami mahu membuktikan kepada mereka (bukan Islam) bahawa jika mereka hidup dalam sebuah negara yang diperintah oleh majoriti umat Islam, hak mereka tidak akan diketepikan," katanya pada satu majlis dialog dengan para peserta persidangan antarabangsa tiga hari Perhimpunan Belia Islam Sedunia (WAMY) yang berakhir hari ini.

Beliau menjawab satu soalan tentang apa yang akan dilakukan oleh kerajaan Malaysia untuk menarik 40 peratus daripada warganegara bukan Islamnya menganut Islam. -- Lagi

▼30/01/20-11MST

CNS4035

R GB 30-01 00151 BB927

bah

Mahathir - Islam 2 Petaling Jaya

Menurut beliau, kerajaan akan memberikan jalan kepada rakyat bukan Islam supaya memahami bahawa Islam bermakna keadilan dan kejayaan kepada mereka.

Perdana Menteri berkata pada zaman penjajahan dahulu, banyak rakyat bukan Islam menganuti Kristian kerana ia dikaitkan dengan kejayaan dan kerajaan mahu membuktikan kepada mereka bahawa Islam dan umat Islam juga boleh berjaya.

Walaupun pendekatan kerajaan ini akan mengambil banyak masa, tetapi apa yang penting ialah masyarakat bukan Islam akhirnya memahami agama Islam dan secara beransur menerimanya, katanya.

Beliau berkata tujuan kerajaan menubuhkan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) ialah untuk menunjukkan kepada bukan Islam bahawa Islam bukanlah bererti keganasan atau penindasan tetapi cara hidup yang adil kepada semua.

Dr Mahathir berkata umat Islam harus ingat bahawa berlaku keadaan di mana mereka menjadi minoriti dalam sebuah negara yang diperintah oleh bukan Islam. -- Lagi

▼30/01/20-22MST

CNS4036

R GB 30-01 00103 BB928

bah

Mahathir - Islam 3 (Akhir) Petaling Jaya

"Apabila kita minoriti, kita tidak mahu kerajaan bukan Islam itu berlaku tidak adil kepada kita dan jika kita mengharapkan mereka berlaku adil kepada umat Islam, kita sendiri haruslah adil," katanya.

"Banyak perkara yang kita perlu terjemahkan secara betul seperti keadaan-keadaan yang akan memerlukan umat Islam mengamalkan sesuatu perkara dan melarang mereka melakukan satu perkara lain," katanya.

Beliau berkata Islam adalah satu agama yang memberikan kelonggaran tertentu bagaimanapun banyak umat Islam sendiri menjadi terlalu kaku seolah-olah tiada ruang atau kebebasan langsung untuk membuat intepretasi. -- Bernama

▼30/01/20-23MST